

07 NOV, 2020

RM1.2 bilion rangsang pertumbuhan sektor perumahan

Berita Harian, Malaysia



Soam Heng Choon

RM1.2 bilion rangsang pertumbuhan sektor perumahan

Peruntukan RM1.2 bilion bagi pembinaan lebih banyak perumahan kepada kumpulan isi rumah B40 dijangka berupaya merangsang semula pertumbuhan sektor perumahan yang berdepan cabaran tahun ini.

Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA), Datuk Soam Heng Choon, berkata fokus kerajaan yang mahu menyediakan lebih banyak kediaman berkualiti dan selesa kepada B40 juga dijangka memberi lebih kuasa kepada golongan sasaran untuk mendapatkan rumah impian mereka. "Insentif ini adalah langkah tambahan yang diberikan selain yang diumumkan sebelumnya melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PEN-JANA) pada Jun lalu.

"REHDA menyambut baik semua inisiatif dilaksanakan kerajaan dalam menyediakan kemudahan perumahan kepada kumpulan B40.

"Kami amat berterima kasih kerana melalui Belanjawan 2021 ini, kerajaan turut memasukkan cadangan kami, sekali gus membuktikan komitmen mereka dalam mendengar kehendak pemain industri dan rakyat," katanya ketika dihubungi semalam.

Pada masa sama, Heng Choon, berkata pihaknya percaya dengan peruntukan itu juga ia akan memanfaatkan lebih 200 sektor hiliran yang terbabit dalam industri perumahan.

Katanya, peruntukan bagi pelbagai program perumahan memabitkan Program Perumahan Rakyat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Rumah Mesra Rakyat dan Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) mampu memberi kelegaan kepada golongan sasaran.

"Dengan Belanjawan 2021 ini, REHDA berharap ia mampu meneruskan peranan kami untuk meningkatkan industri dan ekonomi ke tahap lebih tinggi," katanya.

Mengenai skim sewa beli (rent-to-own) memabitkan 5,000 kediaman PR1MA, Heng Choon berkata, pihaknya berharap ia dapat diperluaskan supaya pembeli di pasaran terbuka juga dapat memanfaatkannya.